




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 22 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	AGROBANK, MYDIN JALIN KERJASAMA BANGUNKAN AKTIVITI PEMBORONGAN DI KELANTAN, BISNES, SH -28	AGROBANK
2.	PENTERNAK IKAN SANGKAR SIAP SEDIA HADAPI BANJIR, NASIONAL, BH -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Agrobank, Mydin jalin kerjasama bangunkan aktiviti pemborongan di Kelantan



Tengku Ahmad Badli Shah (tiga dari kiri) dan Ameer (dua dari kanan) menandatangani perjanjian kerjasama strategik bagi membantu mengembangkan perniagaan pemborongan Mydin Kelantan dengan menawarkan kemudahan pembiayaan modal kerja sehingga RM500,000.

**AGROBANK** menjalinkan kerjasama strategik dengan Mydin, Mohamed Holdings Berhad (Mydin) bagi memfokuskan pembangunan dan merencanakan aktiviti pemborongan di negeri ini menerusi kemudahan pembiayaan modal kerja sebanyak RM50,000 hingga RM500,000.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Datuk Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, menerusi kerjasama strategik itu pem-

yang menjalankan aktiviti di sepanjang rantai nilai agromakanan. "Usaha ini sekali gus membantu meningkatkan taraf sosioekonomi dan perkembangan sektor pertanian serta agromakanan di negeri ini," katanya pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara Agrobank dan Mydin pada Jumaat.

Pada majlis tersebut Mydin diwakili oleh Pengarah Urusannya, Datuk Dr Ameer Ali Mydin.

Menurut beliau, usaha strategik ini merupakan platform bagi memacu kejayaan agropreneur serta merealisasikan matlamat Agrobank untuk pembangunan pertanian yang kukuh, progresif dan efisien.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, ia sejajar dengan tanggungjawab 'melangkaui perbankan' Agrobank untuk menawarkan produk dan perkhidmatan berorientasikan pelanggan yang bertujuan untuk membantu usahawan ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan.

"Justeru, kami mengalu-alukan para pemborong Mydin Kelantan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pembiayaan modal kerja yang ditawarkan," katanya.

biayaan yang diluluskan akan diberikan secara pusingan dengan jumlah minimum sebanyak RM50,000 kepada pemborong Mydin.

"Ia melibatkan tempoh pembiayaan sehingga satu tahun dengan kadar keuntungan yang kompetitif.

"Kerjasama antara dua entiti ini bertujuan menyediakan kemudahan pembiayaan pusingan jangka pendek patuh syariah dan perkhidmatan perbankan kepada pembekal di Mydin Kelantan

# Penternak ikan sangkar siap sedia hadapi banjir

Struktur diikat elak dihanyut arus deras

Oleh Nazydy Harun  
bnnews@bh.com.my

**Kuala Berang:** Sekumpulan penternak ikan sangkar di Kampung Pantai Ali, dekat sini, giat melancarkan persiapan bagi menghadapi monsun timur laut yang biasanya membawa bencana banjir.

Ketua kelompok, Zakaria Ismail, 65, berkata terdapat 27 penternak ikan air tawar di kawasan itu dengan jumlah keseluruhan 250 sangkar.

Katanya, sangkar yang terletak di tebing Sungai Telamong itu biasanya akan berdepan arus deras dan peningkatan air sungai yang tinggi apabila tiba musim banjir.

"Oleh itu, penternak masing-masing mengambil langkah dengan mengikat struktur sangkar bagi mengelak dihanyutkan arus deras, selain pergerakan sangkar dari bahagian hulu menghentam sangkar yang berada di hilir.

"Selain itu, bongkah atau tunggul kayu juga mampu merobek struktur sangkar sekiranya tidak dilikat dengan kemas," katanya yang memternak ikan sangkar di tebing Sungai Telamong sejak 20 tahun lalu.

Katanya, kerja mengikat sangkar sudah dilakukan sejak Ogos lalu dan kini hanya tinggal kerja akhir bagi memastikan struktur sangkar mampu menerima impak apabila berikunya banjir.

Beliau berkata, anggaran keseluruhan kerugian akibat banjir luar biasa akhir Februari lalu ialah RM1.5 juta dan dia sendiri yang mempunyai 36 sangkar mengalami kerugian RM140,000.



(foto Nazydy Harun/BH)

Zakaria melakukan kerja di atas sangkar ikan miliknya di Kampung Pantai Ali.

lalu kerana bimbang sangkar hanyut dan merosakkan kolam milik peserta lain.

"Dalam kejadian banjir Februari, saya mengalami kerugian kira-kira RM60,000 apabila ikan di dalam lima kolam yang sudah boleh dipasarkan mati, selain dua kolam rosak," katanya.

Rakannya, Shamsudin Said, 52, berkata dia turut mengambil langkah mengikat lapan sangkar miliknya kerana pada kejadian banjir lalu dia mengalami kerugian kira-kira RM65,000.

"Biasanya kayu hanyut menghantam sangkar kami hingga ber-

laku kerosakan, selain arus deras yang mengakibatkan sangkar dari bahagian atas melanggar sangkar yang berada di bahagian lebih bawah sekiranya tidak diikat.

"Peserta sudah melancarkan yang terbaik bagi mengurangkan impak kerugian akibat bencana, namun selebihnya kami bertawak kepada Allah SWT," katanya.

Katanya, setiap kali tiba musim monsun timur laut, penternak akan mengamati langkah berjaga-jaga dengan membuat persiapan bagi mengelak sangkar mengalami kerosakan, selain ikan yang cukup saiz dijual terlebih dahulu.